

**[FORMS OF DA'WAH THROUGH ISLAMIC HEALING OF RUQYAH  
SHAR'IYYAH TO NEW NATIVE BROTHERS IN SELANGOR]**

**BENTUK-BENTUK DAKWAH MELALUI PENGUBATAN ISLAM RUQYAH  
SHAR'IYYAH KEPADA SAUDARA BARU ORANG ASLI DI SELANGOR**

Mohamad Haslan Mokhtar  
*mhaslamm@gmail.com*

*Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam,  
Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia*

Syarul Azman Shaharuddin  
*syarulazman@kuis.edu.my*

*Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam,  
Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia*

Muhammad Yusuf Marlon Abdullah  
*yusufmarlon@kuis.edu.my*

*Jabatan Dakwah dan Usuluddin, Fakulti Pengajian Peradaban Islam,  
Universiti Islam Selangor, Bandar Seri Putra, 43000 Kajang, Selangor, Malaysia*

Zulkefli Aini (Corresponding Author)  
*zulaini@ukm.edu.my*

*Research Centre for Da'wah and Leadership, Faculty of Islamic Studies,  
Universiti Kebangsaan Malaysia 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia*

## **Abstrak**

Pelbagai bentuk dakwah yang dijalankan oleh pelbagai pihak kepada masyarakat Orang Asli di semenanjung Malaysia. Salah satunya ialah melalui kaedah perubatan Islam *ruqyah shar'iyyah*. Hal ini kerana masyarakat Orang Asli di Malaysia masih mempunyai pegangan yang kuat terhadap perubatan secara tradisional dan sesetengah daripada mereka menolak untuk mendapatkan rawatan di hospital. Objektif kajian ini adalah untuk mengkaji bentuk-bentuk dakwah melalui pengubatan Islam *ruqyah shar'iyyah* kepada saudara baru Orang Asli di Selangor. Kajian ini menjalankan metodologi kualitatif iaitu temu bual bersama lima orang yang terlibat secara langsung dengan perubatan Islam dan disokong dengan data kuantitatif sebagai dengan melibatkan 94 orang responden. Dapatan hasil kajian menunjukkan bahawa perubatan Islam *ruqyah shar'iyyah* menyumbang dalam memperkembangkan dakwah dalam masyarakat Orang Asli. Kajian ini mendapati bahawa bentuk-bentuk dakwah yang dijalankan ialah secara berhikmah, nasihat yang baik, *mujadalah*, *hal* dan *uswah al-hasannah*. Masyarakat Orang Asli dilihat lebih suka mendengar nasihat berbanding mengutarakan pendapat atau berbincang berkenaan hal Islam.

**Kata Kunci:** bentuk-bentuk dakwah, pengubatan Islam *ruqyah syariyyah*, saudara baru orang asli, Selangor

## Abstract

*Various forms of da'wah are carried out by multiple parties to the Orang Asli (native) community in Peninsular Malaysia. One of them is through the Islamic medical method of ruqyah shar'iyyah. This is because the native community in Malaysia still has a strong hold on traditional medicine and some of them refuse to seek treatment in hospitals. This study aims to study the forms of da'wah through Islamic healing ruqyah shar'iyyah to the new brothers (muallaf) of the natives in Selangor. This study carried out a qualitative methodology, an interview with five people directly involved in Islamic healing and is supported by quantitative data involving 94 respondents. The study's findings show that Islamic healing ruqyah shar'iyyah contributes to the development of da'wah in the native community. This study found that the forms of da'wah carried out are wise, good advice, mujadalah, hal and uswah al-hasannah. The native community is seen as preferring to listen to guidance rather than expressing opinions or discussing matters of Islam..*

**Keywords:** forms of da'wah, Islamic healing ruqyah shar'iyyah, new native brothers, Selangor

Article Received:  
10 April 2023

Article Reviewed:  
3 August 2023

Article Published:  
11 August 2023

## PENGENALAN

Masyarakat Orang Asli merupakan satu kelompok yang menjadi sasaran di dalam penyebaran dakwah Islam di Malaysia. Pelbagai usaha dakwah telah dijalankan melalui badan kerajaan, badan bukan kerajaan dan lain-lain. Salah satunya ialah melalui perubatan Islam yang dijalankan terhadap etnik ini. Metode dakwah perubatan Islam *ruqyah shar'iyyah* dilihat sebagai medium dalam mengembangkan dakwah Islam kerana ia tidak mengandungi unsur paksaan dan keberatan untuk melaksanakannya. Lebih-lebih lagi apabila masyarakat Orang Asli lebih cenderung untuk memilih perubatan tradisional sebagai jalan alternatif dalam menyembuhkan penyakit berkaitan sihir, spiritual dan seumpamanya.

Melihat kepada situasi hari ini, pengubatan yang berteraskan Islam dilihat mendapat perhatian dan sambutan yang amat menggalakkan daripada anggota masyarakat di Malaysia. Sehingga kini kewujudan pengubatan Islam telah banyak memberi sumbangan positif dalam perkembangan dakwah Islamiah khususnya di Malaysia. Ini terbukti dengan kewujudan pertumbuhan pusat-pusat rawatan yang berteraskan syariat Islam semakin bertambah tahun demi tahun. Ini kerana masyarakat yang kita lihat hari ini telah banyak berubah dalam aspek corak kehidupan mereka yang mana lebih menjurus kepada arah keagamaan atau kehidupan yang lebih Islamik (Khader & Mohd Farhan, 2013). Menurut laporan surat khabar *Berita Harian*, jumlah pesakit di Hospital Kuala Lumpur mencecah seramai 3,000 orang pesakit dalam satu masa (*Berita Harian*, 2015). Jumlah ini cukup besar untuk dirawat. Dengan kapasiti pesakit harian yang terlalu tinggi untuk mendapatkan rawatan di hospital, ini telah merangsang pertumbuhan pusat perubatan Islam di serata negeri. Dilaporkan sehingga tahun 2014 sahaja, terdapat lebih 60 pusat rawatan Islam yang terdapat di Malaysia. Dan di dalam setiap daerah negeri Selangor sahaja, dianggarkan terdapat minimum tiga buah pusat perubatan Islam.

Pengubatan Islam *ruqyah shar'iyyah* merupakan salah satu entiti yang berpengaruh di Malaysia buat masa kini. Menurut Khader dan Mohd Farhan (2013), pengubatan secara

Islam mempromosikan fokus utama rawatan berasaskan ‘*faith-healing*’ melalui solat dan bacaan al-Qur'an. Tambahan beliau lagi, peningkatan populariti dan penggunaan rawatan alternatif Islam yang semakin meluas khususnya di Malaysia, jelas memberi signifikan kepada polisi kesihatan awam semasa. Rawatan berasaskan al-Qur'an sangat memberi impak yang positif bagi perawat dan juga orang yang dapatkan rawatan. Dengan cara sedemikian, lebih mendekatkan diri (*taqarrub*) kepada Allah SWT dan menjadi hamba yang lebih baik kerana telah mengikuti salah satu daripada sunnah baginda Nabi Muhammad SAW di mana, kaedah *ruqyah shari'yyah* ini berfungsi sebagai terapi rohani yang bersifat *al-wiqayah* (mencegah) dan *al-'ilaj* (merawat) bagi setiap penyakit. Dalam masa yang sama juga, tambahan beliau lagi, perawat akan menyampaikan nasihat kepada pesakit untuk menjaga solat lima waktu, sentiasa membaca al-Qur'an, perbanyakkan beristighfar dan percaya kepada kudrat dan iradat Allah SWT.

Atas justifikasi tersebut, maka ianya mencetuskan persoalan yang berkaitan. Antaranya ialah, apakah bentuk-bentuk dakwah yang terdapat dalam pengubatan Islam *ruqyah shari'yyah* kepada masyarakat melalui fungsinya sebagai rawatan alternatif yang ada di Malaysia ini. Oleh yang demikian, diharapkan kajian ini akan dapat mengenalpasti dan menjelaskan bentuk dakwah yang terbaik berdasarkan kepada amalan Nabi.

## MASYARAKAT ORANG ASLI DI SELANGOR

Menurut laporan Jabatan Kebanjikan Orang Asli (JAKOA) Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan (2014), di Negeri Selangor terdapat tiga suku kaum masyarakat Orang Asli yang mendiami negeri ini. Suku Kaum Semai, Temuan dan Mah Meri. Suku Kaum Mah Meri menetap di Pulau Carey, dalam Daerah Klang. Manakala bagi suku Kaum Temuan, mereka boleh didapati hampir di seluruh daerah di Selangor. Kaum Temuan dan Mah Meri merupakan dua suku kaum yang utama di negeri Selangor. Manakala bagi Kaum Semai, mereka boleh didapati di Hulu Selangor dan mereka merupakan masyarakat Orang Asli minoriti di mana hanya terdapat dua buah perkampungan sahaja.

JADUAL 1. Statistik Kependudukan Masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor

BIL	DAERAH	BILANGAN KAMPUNG	BILANGAN KETUA ISI RUMAH	BILANGAN AHLI ISI RUMAH	BILANGAN PENDUDUK
1	Hulu Langat	9	614	1777	2391
2	Hulu Selangor	16	1047	3229	4276
3	Sepang	15	808	2453	3261
4	Kuala Langat & Klang	22	1637	4458	6095
5	Gombak & Petaling	12	1035	2703	3738
<b>JUMLAH</b>		<b>74</b>	<b>5141</b>	<b>14,620</b>	<b>19,761</b>

Sumber: Laporan JAKOA Negeri Selangor (2014)

Daripada jumlah populasi masyarakat Orang Asli di Selangor terdapat seramai 5,465 orang telah memeluk agama Islam (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2015). Di Negeri Selangor sahaja menurut Muhammad Yusuf Marlon Abdullah et. al. (2017), terdapat sebanyak 74 buah perkampungan Orang Asli yang diselia oleh Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA), dari jumlah tersebut hanya 44 buah kampung sahaja yang mempunyai surau. Antara masjid dan surau yang aktif di perkampungan Orang Asli adalah Kampung Orang Asli (KOA) Ulu Kuang, KOA Ulu Batu, KOA Batu 12 Gombak, KOA Tongkah, KOA Pulau Kempas, KOA Bukit Serdang, KOA Kepau Laut, KOA Sungai Judah, KOA Kolam Air, KOA Sungai Pelek, KOA Rasau Hilir, KOA Desa Temuan, KOA Bukit Bandaraya, KOA Tun


Abdul Razak, Koa Sungai Jang, KOA Broga, KOA Sungai Gabai, KOA Pangsun, KOA Sungai Lalang dan sebagainya.

Menurut Abdul Ghafar Don (2014), di Negeri Selangor pola agama Orang Asli dibahagikan kepada animisme iaitu sebanyak 70%, Islam 15% dan lain-lain agama iaitu Kristian, Hindu, Buddha adalah sebanyak 15%. Berdasarkan pola ini didapati sebahagian besar masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor masih berpegang dengan kepercayaan animisme dalam kehidupan mereka (Che Nur Hasanah et al., 2018).

Adapun Orang Asli yang telah menganut Islam, menurut Abdul Ghafar Don (2014), berdasarkan pengalaman beliau serta maklum balas dari rakan-rakan yang bertugas di agensi agama sama ada di peringkat negeri mahupun Jabatan Agama Islam, Majlis Agama Islam Negeri, JAKIM, NGO dakwah seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) dan tidak ketinggalan juga JAKOA didapati bahawa tahap kefahaman dan penghayatan Islam Orang Asli Muslim secara umumnya masih lemah. Menurut beliau lagi, kebanyakan masyarakat Orang Asli Muslim mengabaikan tanggungjawab mereka sebagai seorang Muslim. Terdapat di kalangan mereka yang tidak begitu mempedulikan soal-soal ibadat seperti solat, puasa, akikah, korban dan lain-lain. Ibadat-ibadat ini kebiasaannya akan dilaksanakan mereka apabila ada upacara rasmi atau program yang dilaksanakan di perkampungan Orang Asli. Contohnya seperti program sambutan Maulidur Rasul, Maal Hijrah, majlis berbuka puasa (iftar jamaie), program Bakti Siswa dan sebagainya (Abdul Ghafar, 2014).


## **MASYARAKAT ORANG ASLI SEBAGAI SAUDARA BARU**

Orang Asli adalah sebahagian daripada kelompok masyarakat yang membentuk populasi masyarakat yang ada di Malaysia. Menurut data Jabatan Perangkaan Malaysia (2020), populasi rakyat Malaysia dari pelbagai bangsa adalah seramai 32.7 juta orang. Adapun masyarakat Orang Asli dianggap sebagai kaum minoriti dengan jumlah mereka dianggarkan antara 140,000 hingga 180,000 orang. Menurut dari sumber JAKOA telah merekodkan jumlah penduduk Orang Asli di Malaysia ialah seramai 180,458 orang (e-Damak, 2011). Manakala menurut sumber dari *Wikipedia* (2021), menyatakan jumlah Orang Asli ialah seramai 140,000 orang. Ini bermakna masyarakat Orang Asli mewakili 0.5% jumlah penduduk di Malaysia. Daripada jumlah tersebut, dianggarkan seramai 35,975 adalah Orang Asli yang beragama Islam (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2018) bersamaan dengan 0.17%. Menurut laman web *Wikipedia* (2021), komposisi masyarakat yang menganut agama Islam di Malaysia sebanyak 63.3% bersamaan 20.7 juta orang dari 32.7 juta penduduk di Malaysia. Berdasarkan peratusan masyarakat Orang Asli yang Muslim, jelaslah bahawa satu insiatif berterusan dan terancang perlu dilakukan dalam konteks dakwah terhadap komuniti yang minoriti ini.



ILUSTRASI 1. Populasi Masyarakat OA Muslim di Malaysia

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2018)



ILUSTRASI 2. Peratusan Masyarakat OA Muslim di Malaysia.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia (2018)

Masyarakat Malaysia umumnya menggelar orang yang baru memeluk Islam sebagai mualaf. Istilah mualaf ini seringkali disebut dalam masyarakat di Malaysia. Pelbagai takrifan dan pengertian dikemukakan dalam kamus, ulama semasa dan sebagainya. Menurut Abdul Ghafar dan Ahmad Redzuwan (2009) pelbagai gelaran lain juga diberikan kepada golongan yang baru memeluk Islam tersebut seperti 'saudara Muslim' dan 'saudara kita' namun, apa sahaja gelaran yang dilabelkan tetap mempunyai maksud dan mesej yang sama untuk dihuraikan bagi orang yang baru memeluk Islam agar mudah difahami dan dihayati oleh masyarakat sekeliling.

Menurut Anuar Puteh (2005) di dalam buku penulisannya yang bertajuk *Masa Depan Saudara Baru*, menurut beliau perkataan ‘saudara baru’ merupakan mereka yang telah melafazkan kalimah syahadah dan mereka juga golongan Muslim yang wajar diberi bimbingan dan perhatian oleh golongan yang lebih berkelayakan. Saudara baru juga dikenali sebagai manusia yang baru memeluk agama Islam dan berhak ke atas mereka untuk menerima zakat yang mana dengan pemberian zakat ini bertujuan untuk melunakkan hati dan keislaman mereka (Ahmad Redzuan & Nur Kareelawati, 2005).

Menurut Anuar Puteh (2002), saudara baru adalah satu perkataan yang diguna pakai secara meluas apabila merujuk kepada golongan ini. Terdapat pelbagai reaksi masyarakat terhadap penggunaan perkataan ini. Ada dalam kalangan anggota masyarakat tidak menyukainya dan tidak bersetuju dengan pemakaian istilah tersebut dengan berasaskan rasional bahawa ianya hanya akan meletakkan golongan ini di lapisan kedua dalam hirarki masyarakat muslim. Namun begitu ada juga segelintir masyarakat yang bersetuju dengan pemakaian istilah ini atas alasan dan sebab-sebab yang tertentu.

Adapun istilah saudara baru menurut penulisan M.Y. Jaafar (1991), sebenarnya muncul sejak awal tahun 1970an, setelah risalah dakwah yang disebarluaskan mula mendapat sambutan dari kalangan bukan Melayu (Islam). Saudara baru boleh diertikan sebagai ganti istilah mualaf (orang yang dijinak-jinakkan), yang diambil dari istilah *al-Qur'an al-mu'allafat qulubuhum*. Tetapi oleh sebab sebahagian besar daripada mereka yang telah memeluk agama Islam merasai kurang senang dengan panggilan mualaf, sekalipun membawa pengertian yang amat murni, tetapi mereka lebih senang dengan panggilan saudara baru.

Bagi memainkan peranan sebagai pembimbing aspek kehidupan beragama, memelihara kebajikan dan keperluan mualaf, terdapat pelbagai pertubuhan Islam yang terdiri daripada kerajaan dan bukan kerajaan yang bergiat aktif memainkan peranan-peranan tersebut. Peranan yang dijalankan oleh pertubuhan ini juga secara tidak langsung telah melaksanakan tanggungjawab fardu kifayah supaya golongan mualaf di Malaysia terus menerima bimbingan, perlindungan dan kebajikan yang sewajarnya. Dalam kajian Faudzinain Badaruddin (2005), terdapat sebilangan besar mualaf di Malaysia yang bernaung di bawah pelbagai pertubuhan bukan kerajaan seperti Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM) Persekutuan Pertubuhan India Muslim Malaysia (PERMIM), Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA) dan sebagainya. Walau bagaimanapun, terdapat juga sebilangan mualaf yang kekal mengikuti badan pertubuhan kerajaan misalnya JAKIM, Majlis Agama Islam Selangor (MAIS) serta beberapa Jabatan Agama Islam Negeri yang lain.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menjalankan metodologi kualitatif iaitu temu bual bersama lima orang yang terlibat secara langsung dengan perubatan Islam dan metodologi kuantitatif sebagai data sokongan dengan melibatkan 94 orang responden. Kajian ini menggabungkan dua metode kajian iaitu metode kualitatif dan kuantitatif. Oleh itu, kajian ini menjalankan reka bentuk deskriptif dengan menjadikan dapatan kualitatif sebagai data primer dan dapatan kuantitatif dijadikan sebagai data sokongan. Hal ini demikian untuk menguatkan lagi hasil data yang didapati. Metode kualitatif dipilih kerana ia menggunakan pendekatan yang semula jadi untuk mendekati Orang Asli. Pengkaji menjalankan kaedah temu bual dan analisis dokumen melalui metode ini. Instrumen temu bual dibina dengan tema-tema yang bersesuaian dengan objektif kajian. Ia juga telah melalui proses rintis daripada pakar bidang dan metode.

Melalui kajian secara deskriptif ini, pengkaji dapat kenal pasti dan mendalamai fenomena masyarakat Orang Asli, peranan dakwah melalui pengubatan Islam *ruqyah shar'iyyah*, bentuk-bentuk dakwah dan amalannya dengan empirikal dan sistematik. Mohd Majid Konting (2005) menyatakan bahawa kajian deskriptif ini dilihat sesuai untuk

menjelaskan suatu fenomena yang berlaku terutamanya dalam bidang masih kurang dijalankan kajian ke atasnya. Oleh itu, kajian berkenaan pengubatan Islam *ruqyah shar'iyyah* sebagai pendekatan dakwah sesuai dijalankan menggunakan proses deskriptif ini. Kajian ini dijalankan terhadap masyarakat Orang Asli yang tinggal di Negeri Selangor dengan melibatkan Daerah Kuala Langat, Hulu Langat dan Sepang. Pengkaji memutuskan untuk memilih perkampungan Orang Asli yang aktif dalam menjalankan program-program Islami seperti Perkampungan Orang Asli Sungai Melut (Sepang), Perkampungan Orang Asli Bukit Bangkong Kolam Air (Sepang), Perkampungan Orang Asli Telok Tongkah (Kuala Langat), Perkampungan Orang Asli Bukit Kemandul (Kuala Langat), Perkampungan Orang Asli Kuala Pangson (Hulu Langat) dan Perkampungan Orang Asli Sungai Gabai (Hulu Langat). Pemilihan lokasi masyarakat Orang Asli ini juga dilihat berdasarkan seliaan Penggerak Masyarakat Orang Asli (PAMOA).

## ANALISIS DAPATAN KAJIAN

Dapatkan kajian data kuantitatif bagi bentuk-bentuk dakwah melalui pengubatan Islam *ruqyah shar'iyyah* kepada masyarakat Orang Asli menunjukkan kebanyakan responden bersetuju dengan Item 4 iaitu "Saya suka nasihat-nasihat yang diberikan oleh perawat" dengan peratus 91.5%. Manakala, peratusan yang paling rendah pula adalah Item 5 iaitu "Saya selalu berbincang dengan perawat berkaitan dengan ajaran Islam." Peratusan 'Ya' dan 'Tidak', kedua-duanya menunjukkan 50%. Hal ini menunjukkan bahawa sikap masyarakat Orang Asli lebih memilih untuk mendengar nasihat berbanding menyuarakan sesuatu perkara dan berbincang berkenaan Islam.

**JADUAL 2. Peratusan Bentuk-bentuk Dakwah melalui Pengubatan Islam *Ruqyah Shar'iyyah* kepada Masyarakat Orang Asli**

<b>NO.</b>	<b>PERKARA</b>	<b>YA (N/%)</b>	<b>TIDAK (N/%)</b>
1	Saya selalu mendengar pesanan kebaikan daripada perawat ketika mendapatkan rawatan Islam.	84 (89.4%)	10 (10.6%)
2	Saya amalkan setiap pesanan yang diberikan oleh perawat kepada saya selepas mendapatkan rawatan Islam	69 (73.4%)	25 (26.6%)
3	Saya selalu amalkan zikir-zikir yang diajar oleh perawat kepada saya	69 (73.4%)	25 (26.6%)
4	Saya suka nasihat-nasihat yang diberikan oleh perawat	86 (91.5%)	8 (8.5%)
5	Saya selalu berbincang dengan perawat berkaitan dengan ajaran Islam	47 (50%)	47 (50%)
6	Rawatan yang perawat berikan kepada saya adalah percuma.	84 (89.4%)	10 (10.6%)
7	Saya suka tempat/kediaman yang digunakan untuk rawatan	82 (87.2%)	12 (12.8%)
8	Saya suka penampilan diri yang ditonjolkan oleh perawat	85 (90.4%)	9 (9.6%)
9	Saya ingin mencontohi perawat dalam kehidupan saya	82 (87.2%)	12 (12.8%)

Sumber: Soal Selidik (2022)

## Hikmah

Dapatkan analisis menunjukkan keseluruhan responden menggunakan bentuk-bentuk dakwah *al-hikmah* ketika berhadapan dengan masyarakat Orang Asli melalui pengubatan Islam *ruqyah shar'iyyah*. Antaranya menyampaikan nasihat yang baik, menunjukkan teladan yang baik dan sebagainya.

Perubatan secara Islam, menggunakan al-Fatihah sebagai asas, *haa ...* juga menjadi penyebab kepada kesembuhan. Kiranya diizinkan oleh Allah Taala (Informan 1: 34:04).

... kadang-kadang mereka terlibat dalam masalah sosial dalam kehidupan masyarakat mereka dengan kita menyampaikan nasihat, dengan kita tunjuk teladan yang baik, dengan kita *tak* memperkecilkan mereka, mendengar rintihan mereka, rungutan mereka kita dengar, jadi secara *tak langsung*, mutiara-mutiara dakwah kita senang untuk kita sampaikan (Informan 2: 30:02).

Hanya dengan perubatan Islam kita dapat menyelami hati, hati budi mereka, bila kita *dah* dapat menyelami hati budi mereka, kita selalu berinteraksi dengan mereka, solat, kita *nak ajak* pergi ke surau *aa ... sembahyang*, *haa ... dia datang* (Informan 3: 34:04).

## Nasihat yang Baik

Analisis terhadap bentuk nasihat yang digunakan ketika nerhadapan dengan masyarakat Orang Asli ketika pengubatan Islam *ruqyah shar'iyyah* adalah kebanyakan responden menasihati masyarakat Orang Asli supaya menutup aurat, menjaga kebersihan dan larangan-larangan Islam yang lain.

Tekan bab kejiranan, hormat menghormati, sekarang benda *ni* dia macam mentaliti dia *tu*, dia pentingkan diri sendiri, saya suruh untuk jaga kebersihan, sebab bila kotor orang akan pandang hina *kat kita* (Informan 1: 36:01).

Sebenarnya *tak susah* kita terangkan *maqasid* kenapa kita disuruh, kenapa kita dilarang. Jadi secara *tak langsung* nasihat-nasihat beginilah mereka berasa senang dengan kita, mereka senang dengan rawatan Islam (Informan 2: 38:07).

Manakala analisis dari sudut penggunaan nasihat yang baik kepada masyarakat Orang Asli ketika melakukan pengubatan Islam *ruqyah shar'iyyah* pula membawa kesan positif kepada masyarakat Orang Asli.

Nak kata penerimaan *tu* yang 2, 3 orang *tu dia ok la*, tapi *tu la* kalau ramai *tu* kita boleh *la* kira peratus banyak *kan*, *tak* ramai lagi *haa ... Alhamdulillah la* macam tadi saya cakap tadi maksud dia, dia terima *lah*, dia terima kita sebagainya, maksud dia sekurang-kurangnya dia tahu perubatan Islam *ni* (Informan 5: 28:04).

Pada peringkat dulu *lah* susah *nak* terima. Tapi lama kelamaan, Islam pun *dah* semakin, penghayatan mereka pun *dah* semakin, semakin tinggi terhadap Islam. Mereka pun *dah* boleh terima (Informan 4: 31:06).

### ***Mujadalah***

Analisis metode *mujadalah* / dialog yang digunakan dalam dakwah melalui pengubatan Islam *ruqyah shar'iyah* bersama masyarakat Orang Asli pula mendapati berlaku mujadalah berkenaan dengan kekeliruan konsep ketuhanan.

Pengalaman saya ada juga dalam kalangan masyarakat di sini, *erm* bertanya pasal tuhan ni. Bila berdebat dengan orang belum Islam *ni* kita *tak* boleh berdebat dengan hadis atau dalil al-Qur'an. Jadi kita kena psiko dia dengan benda begini contoh apa yang ada di dunia *ni*, siapa yang ciptakannya dan lain-lain (Informan 3: 39:01).

### ***Hal***

Analisis dapatan temu bual dengan memberikan khidmat pengubatan Islam *ruqyah shar'iyah* dapat membantu menarik minat masyarakat Orang Asli terhadap Islam mendapati responden ada membantu masyarakat Orang Asli menjadikan mereka tertarik terhadap ajaran Islam.

Dakwah *bi al-hal* ni setakat ni pengalaman saya, sebab saya merawat yang Orang Asli yang mengalami sakit sehingga kanse, kanser otak, bila kanser otak dia *tak* boleh buat apa *dah*, kami membantu mereka, bina rumah untuk mereka, beri mereka makan, kewangan, hantar mereka ke hospital dan sebagainya. Dana daripada kawan-kawan *lah*, di sponsor oleh kawan-kawan. Sumbangan dari kawan-kawan sebab apa bila kita melihat keadaan mereka begitu, kita sampai kepada kawan-kawan kita yang mereka ini memerlukan pertolongan dari kita. Jadi secara *tak* langsung ada khidmat-khidmat kita ini boleh menarik minat mereka. Jadi kita bawa watak kita sebagai orang Islam, kita bawa watak sebagai ustaz, kita bawa watak seorang yang mengambil berat terhadap mereka. Sebab mereka mudah tertarik apabila ada orang memberi (Informan 3: 43:04).

Kalau kita berubat *tu* jangan mintak duit *ka*, mintak pengeras *ka*. Jangan, jangan, *tak ya*, *tak yah*, sebab dia kesan *lah* (Informan 4: 39:08).

Analisis selanjutnya juga menunjukkan bahawa responden memperlihatkan keindahan Islam dengan haramnya bersentuhan antara lelaki dan perempuan yang bukan mahram iaitu menjaga batas semasa sesi perubatan sedang dilakukan.

Kita kena jaga *lah* supaya orang menampakkan Islam itu yang bagaimana. Contoh dari segi sentuhan *tak* boleh *lah* semua nak pegang *kan* (Informan 5: 45:04).

### ***Uswah al-Hasanah***

Analisis temubual berkenaan kaedah *uswah al-hasana* dapat diaplikasikan ketika merawat pesakit dengan pengubatan Islam *ruqyah shar'iyah* mendapati responden menyatakan secara langsung atau tidak kaedah ini dapat diaplikasikan kepada pesakit dengan menunjukkan akhlak teladan yang baik seperti yang di sebut dalam al-Qur'an.

Kita secara *tak* langsung atau tidak mestilah membawa apa yang ada di dalam al-Qur'an dengan akhlaknya, dengan contoh teladannya dengan apa sahaja yang baik itu kita ambil, yang buruk kita jauhkan. Yang ini kita patut pertontonkan kepada pesakit-pesakit dan tempat yang kita *nak* berdakwah (Informan 2: 43:07).

Dari segi penampilan *jela kot kena bersih pakai yang sempurna kebersihan bukan nak tunjuk berlagak* (Informan 3: 45:09).

Kita guna nada yang *slow* supaya mereka terima kadang pesakit *ni kita nak* bagi dia sihat, macam kita kena pujuk (Informan 1: 47:09).

Kita mengambil kaedah yang berkaitan dengan suasana, cuma kita bagi tahu kita sebagai manusia, Allah cipta Allah suruh tutup. Kita buat berbandingan, kuih yang ditutup dengan cermin harganya mahal sebab dia terhindar dari kotoran. Kuih yang dijual ditepi-tepi jalan harganya murah sebab tidak tertutup (Informan 1: 47:01).

Analisis selanjutnya juga mendapati pengubatan Islam *ruqyah shar'iyyah* dijadikan ikutan ketika merawat pesakit dalam kalangan masyarakat Orang Asli apabila ada diantaranya ingin memeluk Islam.

Ada satu *family* yang berminat dan ada satu keluarga *tu* isterinya memang tertarik dengan Islam tapi suaminya yang menghalang agak tegas *lah kan*. Isteri sikit lagi *nak syahadah tu*. Sebab kita *lah* yang bantu dan dia datang setiap bulan untuk sakitnya *tu* sebab dia bukan Islam susah sikit sembuh kan (Informan 5: 49:01).

## PERBINCANGAN

Berdasarkan dapatan analisis dalam pengubatan Islam *ruqyah shar'iyyah* kepada saudara baru Orang Asli terdapat banyak bentuk dakwah yang diselitkan sesama sesi rawatan sedang berlangsung. Antaranya ialah melalui pendekatan *al-hikmah*, nasihat yang baik, *mujadalah*, *hal* dan *uswah al-hasannah*. Kesemua bentuk dakwah yang digunakan merupakan kerangka utama *uslub*, cara dan gaya pendakwah yang sesuai diaplikasikan sepanjang masa dan tempat. Mohd Ridhwan Tee dan Redwan Yasin (2014) menyatakan terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan dalam pengajaran saudara baru, antaranya memberi contoh teladan yang baik, berperingkat, sentiasa membuka jalan keluar kepada sebarang bentuk permasalahan, menegur dengan kelembutan dan konsisten dalam membimbing. Inilah intipati yang dititikberatkan oleh pengamal pengubatan Islam *ruqyah shar'iyyah* kepada saudara masyarakat Orang Asli dengan menggunakan pendekatan kasih sayang, lemah lembut, pengulangan, mengajar doa atau ayat yang mudah sesuai dengan kemampuan pesakit, menggunakan Bahasa yang mudah difahami, membina hubungan baik dan konsep meraikan bukan sahaja kepada saudara baru, malah kepada masyarakat Orang Asli bukan Islam juga. Berdasarkan metode inilah saudara baru Orang Asli terbuka hati untuk menerima ajaran Islam kerana terdapat nilai positif dan kepercayaan yang diberikan.

Abdul Ghafar Don dan Ahmad Redzuwan (2009) telah menjalankan kajian pendekatan dakwah melalui seni hiburan alternatif yang bermaksud hiburan berunsurkan Islam di mana terdapat di dalamnya elemen atau unsur hiburan yang bersesuaian dengan roh dan juga semangat syarak. Contohnya seperti, nasyid, dikir barat, boria, drama, kuiz dan lain-lain. Menurut kajian ini, masyarakat Orang Asli tidak boleh dipisahkan dengan hiburan. Oleh yang demikian, pendekatan dakwah secara *bi al-hikmah* yang antara lainnya dapat diinterpretasi dan diaplikasikan melalui seni hiburan. Pendekatan sebegini dilihat amat sesuai dan relevan dalam konteks dakwah kepada Orang Asli di mana hiburan begitu dekat dengan naluri komuniti ini. Meraikan hiburan boleh menjadi satu saluran dakwah yang halus dan berseni dalam proses pendakwahan Orang Asli. Ini sesuai dengan semangat supaya dakwah disampaikan secara berhikmah dan berseni. Proses ‘*delivery*’ dakwah akan menemui jalan yang sukar sekiranya pendakwah tidak berupaya atau gagal melakukannya dengan penuh hikmah dan berseni. Sehubungan dengan itu, pendekatan yang kreatif dan

daya kreativiti yang lebih efisien diperlukan untuk menjadikan seni hiburan sebagai wasilah dakwah.

Razaleigh Muhamat @ Kawangit (2012) dalam kajiannya berkaitan pendekatan dakwah yang dilakukan oleh organisasi tertentu kepada golongan Orang Asli Muslim. Metodologi kajian yang dijalankan beliau dengan menggunakan kaedah kepustakaan dan lapangan. Penganalisaan data menggunakan metode deduktif dan induktif. Dalam kajian yang beliau lakukan mendapati bahawa aktiviti dan pendekatan dakwah melalui pendidikan, ekonomi dan program sosial yang dilaksanakan oleh organisasi tersebut terhadap masyarakat Orang Asli Muslim telah mendapat sambutan yang sangat baik. Program sebegini penting dilakukan bagi meningkatkan penghayatan Islam. Selain daripada itu, pendekatan yang digunakan dapat meningkatkan juga taraf hidup mereka ke arah yang lebih baik.

Jamilah Mohd Zin dan Engku Ahmad Zaki (2017) telah menjalankan kajian yang berkaitan dengan aktiviti dakwah yang dijalankan oleh JAKIM terhadap masyarakat Orang Asli. Mereka menggunakan dua kaedah utama dalam pengumpulan data iaitu kajian lapangan dan juga kajian dokumen. Hasil kajian mereka mendapati telah banyak aktiviti atau program dakwah yang telah dilaksanakan oleh pihak JAKIM. Jika dilihat pada program yang dilaksanakan, kebanyakannya adalah bertunjangkan kepada pendekatan dakwah *bi al-hal*. Walaupun begitu, sambutan dan juga penghayatan masyarakat Orang Asli muslim masih lagi berada di tahap yang rendah. Tidak dinafikan juga terdapatnya cabaran luaran dan dalaman yang dilalui dalam usaha dakwah ini. Transformasi minda selepas memeluk Islam tidak menampakkan perubahan yang besar, sebaliknya perubahan hanyalah dari segi iktikad kepercayaan mereka sahaja iaitu dari kepercayaan animisme kepada akidah Islamiah. Namun hakikatnya dalam kehidupan harian mereka masih lagi berpegang kuat dengan amalan tradisi warisan nenek moyang mereka.

Mohd Zairul Ridzuan dan Abdul Ghafar Don (2018) telah menjalankan kajian untuk mengenal pasti pendekatan dakwah *bi al-hal* yang dilakukan oleh JAKIM dan juga JAKOA. Metodologi kajian menggunakan kaedah analisis dokumen. Hasil kajian mendapati bahawa pendekatan dakwah *bi al-hal* yang digunakan oleh organisasi dakwah kerajaan tertumpu kepada tiga bidang utama iaitu kebijakan, pendidikan dan sosio-ekonomi. Sebagai kesimpulannya, dakwah *bi al-hal* merupakan suatu model dakwah yang sesuai digunakan kepada masyarakat Orang Asli melalui usaha dan gerak kerja yang nyata dan merupakan pendekatan dakwah yang meresap masuk kedalam masyarakat secara tidak langsung.

Satu lagi kajian daripada Zulkefli Aini et. al. (2018) yang tertumpu kepada pendekatan dakwah *bi al-lisan* yang digunakan oleh pendakwah semasa berkomunikasi dengan masyarakat Orang Asli. Metodologi kajian dengan cara mengumpulkan data melalui temubual separa struktur terhadap sembilan orang pendakwah yang terlibat secara langsung dengan dakwah masyarakat Orang Asli. Hasil kajian mendapati ciri bahasa dakwah meliputi bahasa yang benar dan baik, mudah difahami, sopan dan lemah lembut serta jelas dan teratur. Namun begitu terdapat kekurangan kepada diri pendakwah itu sendiri di mana mereka tidak mahir untuk menguasai dan memahami penggunaan bahasa setempat masyarakat Orang Asli. Ini menyebabkan usaha dakwah *bi al-lisan* itu kadangkala tidak mencapai sasaran. Keadaan ini memerlukan kepada penyediaan latihan secara berkala khusus kepada Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) untuk mempelajari bahasa Orang Asli. Ia menunjukkan bahawa pendekatan dakwah *bi al-lisan* melalui strategi komunikasi dakwah secara pemujukan telah digunakan oleh pendakwah masyarakat Orang Asli. Data kajian yang diperolehi secara temubual mendalam separa struktur bersama dengan sembilan pendakwah yang memang terlibat secara langsung dengan masyarakat Orang Asli mendapati bahawa terdapat tiga strategi dalam proses komunikasi pemujukan iaitu, autoriti pendakwah, kredibiliti pendakwah dan aplikasi perubahan. Pendakwah merupakan individu yang berperanan penting dalam proses mengajak mad'u kepada ajaran Islam. Segala aspek yang ditonjolkan oleh pendakwah secara tidak langsung

mencerminkan imej agama Islam. Oleh yang demikian, suatu pendekatan yang terancang dan tersusun dapat membantu pendakwah merealisasikan matlamat dakwah.

Ismail Naim Abdullah dan Abdul Ghafar Don (2019) telah menjalankan satu kajian akan kepentingan pendakwah menguasai aspek pengetahuan dan juga memiliki kemahiran tertentu dalam dakwah terhadap masyarakat Orang Asli. Berdasarkan metodologi kajian melalui analisis dokumen mendapatkan bahawa, adalah penting bagi seorang pendakwah di lapangan menguasai aspek pengetahuan berkaitan ilmu Islam, sejarah dan kearifan tempatan, kepercayaan serta adat dan budaya golongan sasaran serta pengetahuan semasa dan realiti masyarakat setempat. Adapun memiliki kemahiran bermaksud, pendakwah mempunyai kepakaran yang sewajarnya mengenai komunikasi, pertukangan, pertanian, perubatan, sukan dan lain-lain yang berkaitan dengan lingkungan masyarakat Orang Asli. Dakwah adalah suatu kesenian yang boleh diterokai dan boleh disampaikan dalam pelbagai cara. Kepentingan menguasai pengetahuan dan memiliki kemahiran adalah untuk membuka peluang kepada pendakwah untuk mempelbagaikan pendekatan, wasilah dan teknik berdakwah itu sendiri. Oleh yang demikian, dengan teknik yang pelbagai ini dakwah agama Islam dapat dipertingkatkan dari masa ke masa.

Satu lagi pendekatan dakwah kepada masyarakat Orang Asli yang wajar diberi perhatian adalah dakwah melalui perubatan Islam. Ahmad Najaa` Mokhtar et. al. (2018) mendapatkan bahawa dakwah melalui perubatan Islam ini banyak memberi kesan Orang Asli. Ini kerana melalui perubatan Islam golongan sasaran akan sentiasa diberikan pengisian rohani serta bimbingan yang berterusan. Dengan cara ini, masyarakat Orang Asli tidak terasa mereka diabaikan serta dipinggirkan. Oleh yang demikian, dakwah melalui perubatan Islam dilihat boleh menjadi satu wasilah dakwah yang boleh diberi perhatian bagi mereka yang terlibat dalam arena dakwah ini.

Berdasarkan dapatan sorotan literatur kajian di atas, kesimpulan yang dapat dibuat adalah kajian-kajian berkaitan metode dakwah kepada masyarakat Orang Asli pada tahap awalnya banyak membincangkan metode dakwah dengan meletakkan sebanyak mana aktiviti dan program yang dilaksanakan dengan tujuan untuk berdakwah. Seterusnya, terdapat peningkatan pada tahap berikutnya di mana pelaksanaan metode dakwah telah dibincangkan mengikut kategori yang sesuai dan tidak hanya dibincangkan secara rawak. Tuntasnya, perbincangan dalam aspek metode dakwah ini dibahaskan secara berbeza-beza sekalipun aktiviti dan program yang dinyatakan dalam kesemua kajian adalah hampir sama.

Setelah meneliti kajian-kajian yang lepas di atas, pengkaji mendapati pendekatan dakwah melalui pengubatan Islam ruqyah syariyyah kepada masyarakat Orang Asli secara khusus agak kurang dibincangkan. Dan jika ada sekalipun, ia hanyalah sekadar sorotan kajian sahaja. Justeru itu, dalam kajian ini dibawa satu perbincangan khusus yang menjurus kepada pendekatan dakwah kepada masyarakat Orang Asli melalui pengubatan Islam ruqyah syariyyah.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, implikasi daripada kajian-kajian berkenaan pengubatan Islam *ruqyah shar'iyyah* terhadap saudara baru Orang Asli memerlukan pendekatan dakwah atau approach tersendiri agar dapat menarik dan mempengaruhi saudara baru Orang Asli untuk menerima ajaran Islam. Secara umumnya, pemilihan isi dakwah, bentuk gaya persembahan, pemilihan tempat, bentuk tarikan perlulah disesuaikan mengikut keadaan dan situasi, oleh itu, dakwah yang dilaksanakan tanpa pendekatan yang sesuai dengan keadaan sasaran akan menyebabkan dakwah yang disampaikan tidak berkesan dan akan memberi kesan yang negatif dan akan lari daripada seruan yang disampaikan.

## RUJUKAN

- Abdul Ghafar Don & Ahmad Redzuwan Mohd Yunus. (2009) Dakwah Kepada Orang Asli Melalui Seni Hiburan Alternatif di Malaysia: Model Latihan Amali Dakwah (LAD). *Al-Hikmah Journal of Islamic Dakwah*. 1, 3-12.
- Abdul Ghafar Don. (2014). Masyarakat Orang Asli Muslim Malaysia: Senario dan Realiti Kefahaman dan Penghayatan Islam. Prosiding Seminar Antarabangsa Dakwah & Etnik 2014, 20 November 2014, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.
- Ahmad Najaa` Mokhtar, Jahid Sidek, Muhammad Khairi Mahyuddin, Abdul Rahim Zumrah, Mahyuddin Ismail, Rosidayu Sabran & Mohd Rumaizuddin Ghazali. (2018). Fenomena Kepercayaan dan Amalan Masyarakat dalam Perubatan Islam di Malaysia. *Jurnal Ushuluddin Adab dan Dakwah*. 1(2), 155-175.
- Ahmad Redzuwan Mohd Yunus & Nur Kareelawati Abd. Karim. (2005). Dlm. Razaleigh Muhamat@Kawangit, Faudzinain Badaruddin & Khairil Khuzairi Omar (pnyt.). *Masa Depan Saudara Baru: Harapan, Realiti dan Cabaran*. Bangi: Pusat Islami, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anuar Puteh. 2005. Keperluan Bimbingan kepada Saudara Baru. Dlm. Razaleigh Muhamat@Kawangit, Faudzinain Badaruddin & Khairil Khuzairi Omar (pnyt.). *Masa Depan Saudara Baru: Harapan, Realiti dan Cabaran*. Bangi: Pusat Islami, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Che Nur Hasanah, C.H., Mariam, A.M. & Muhammad Yusuf Marlon, A. (2018). Persepsi Masyarakat Orang Asli terhadap Islam di Kampung Genting Peras, Hulu Langat, Selangor. *Jurnal Hal Ehwal Islam dan Warisan Selangor*. 2(1), 1-14.
- Faudzinain Badaruddin. (2005). Saudara Kita: Harapan, Realiti dan Cabaran. Dlm. Razaleigh Muhamat@Kawangit, Faudzinain Badaruddin & Khairil Khuzairi Omar (pnyt.). *Masa Depan Saudara Baru: Harapan, Realiti dan Cabaran*. Bangi: Pusat Islami, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ismail Naim Abdullah & Abdul Ghafar Don. (2019). Kepentingan Aspek Pengetahuan dan Kemahiran dalam Dakwah terhadap Masyarakat Orang Asli. *Al-Hikmah Journal of Islamic Dakwah*. 11(2), 20-36.
- Jamilah Mohd Zin & Engku Ahmad Zaki Engku Alwi. (2017). Aktiviti Dakwah JAKIM terhadap Masyarakat Orang Asli: Pelaksanaan dan Cabaran. Prosiding Bicara Dakwah kali ke-15: Pengurusan Dakwah Kontemporari. 29 April 2014. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, Selangor, Malaysia.
- Khader Ahmad & Mohd Farhan Md Arifin. (2013). Pengubatan Alternatif berteraskan Islam: Analisis Perkembangan dan Hala Tujunya di Malaysia. *Jurnal ILIM: Institut Latihan Islam Malaysia*. 6, 55-88.
- Jabatan Kebajikan Orang Asli Negeri Selangor. (2014). *Statistik Kependudukan Masyarakat Orang Asli di Negeri Selangor*. Shah Alam: Jabatan Kebajikan Orang Asli Negeri Selangor.
- Jaafar, M.Y. (1991). Pengalaman PERKIM tentang Saudara Kita: Masalah dan Penyelesaian. Dlm. Ismail Abdul Rahman & Mohd Nasir Omar (pnyt.). *Islam Cabaran dan Isu Semasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasan dan Pustaka dan Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Mohd Ridhwan Tee Abdullah & Redwan Yasin. (2014). Pendekatan Konsep al-Hikmah dalam Proses Bimbingan Mualaf. Dlm. Siti Rugayah Tibek, Fariza Md. Sham & Muhammad Hilmi Jalil (pnyt.). *Pembangunan Dakwah Mualaf* (hlm. 15-25). Bangi: Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Majid Konting. (2005). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd Zairul Ridzuan Abd. Rahaman & Abdul Ghafar Don. (2018). Pendekatan Dakwah Bi al-Hal terhadap Masyarakat Orang Asli di Malaysia. *At-Tahkim*. 8(15), 1-6.

- Muhammad Yusuf Marlon Abdullah, Zikmal Fuad & Ahmad Fauzi Mohd Shahar. (2015). Pengantar Ilmu Dakwah. Dlm. Zulkifli Abd Hamid, Syarul Azman Sahharuddin & Mariam Abd Majid (pnyt). *Manhaj Dakwah Islamiah* (hlm. 75-98). Seri Kembangan: Ibooks Centre.
- Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Abdul Ghafar Don & Anuar Puteh. (2012). Communication of Orang Asli Muallaf with Their Malay Counterparts. *Al-Hikmah*. 5, 116-133.
- Zulkefli Aini, Abdul Ghafar Don, Ahmad Irdha Mokhtar & Nur Usrah Ahmad Fauzi. (2018). Topik-topik Komunikasi Dakwah dalam Mesej Akidah kepada Masyarakat Orang Asli di Selangor. *Jurnal Sains Insani*. 3(2), 15-21.